

**PROSEDUR TETAP BAGI PELAJAR-PELAJAR YANG BERADA DI
NEGARA-NEGARA YANG TERJEJAS DENGAN COVID-19 DAN AKAN PULANG
KE NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

1. Pelajar-pelajar yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam yang sedang berada di negara-negara yang terjejas adalah dibenarkan pulang ke Negara Brunei Darussalam jika mereka disahkan sihat untuk melakukan perjalanan (*fit to travel*).
2. Pelajar-pelajar yang disyorkan untuk pulang adalah tertakluk kepada senario di mana institusi pengajian berkenaan ditutup operasi dan mempunyai fasiliti pembelajaran jarak jauh atau atas talian. Di samping itu, pelajar-pelajar berkenaan perlu mendapat kebenaran dari pihak institusi pengajian mereka untuk kembali ke tanah air.
3. Pelajar-pelajar yang telah disahkan positif dengan COVID-19, atau disyaki positif, atau merupakan kontak terdekat dengan kes positif adalah disarankan untuk mengikut peraturan dan garis panduan pihak kesihatan di negara-negara tempat belajar. Pelajar yang didapati positif COVID-19 perlu mendapat rawatan di negara tempat mereka belajar manakala pelajar yang mempunyai simptom akan diperlukan untuk menjalani ujian dan/atau mengasingkan diri selama 14 hari di tempat yang akan diaturkan oleh Ataci Pendidikan, Unit Penuntut-Penuntut, atau Suruhanjaya Negara Brunei Darussalam.
4. Dalam masa yang sama, pelajar berkenaan juga perlu melaporkan status dan keberadaan mereka ke Ataci Pendidikan, Unit Penuntut-Penuntut atau Suruhanjaya Tinggi / Kedutaan Negara Brunei Darussalam yang ada di negara berkenaan.
5. Bagi pelajar yang kembali ke tanah air, mereka hendaklah menjalani pengasingan diri (*self-isolation*) selama 14 hari sebaik saja tiba di Negara Brunei Darussalam. Notis Pengasingan Diri akan diberikan sebaik sahaja tiba di pos-pos kawalan oleh pihak yang berkenaan.
6. Memandangkan tempoh pengasingan diri boleh dijalankan di kediaman masing-masing, pelajar-pelajar yang merancang untuk pulang ke tanah air dimestikan untuk memaklumkan jika keadaan di rumah mereka tidak sesuai untuk berbuat demikian. Makluman ini perlu disampaikan secepat mungkin (sekurang-kurangnya 36 jam sebelum berangkat pulang) ke pihak Ataci Pendidikan, Unit Penuntut-Penuntut ataupun Suruhanjaya Tinggi /

Kedutaan Negara Brunei Darussalam di negara tempat pengajian masing-masing. Setibanya di Negara Brunei Darussalam, pelajar-pelajar akan mendaftarkan diri di kaunter khas di Dewan Ketibaan.

7. Dalam pada itu mana-mana pelajar yang menuntut di luar negara dan sedang bercuti di Negara Brunei Darussalam adalah dinasihatkan untuk menangguhkan kepulangan mereka ke negara-negara tempat pengajian mereka. Jika mereka harus kembali ke tempat pengajian masing-masing, mereka dikehendaki untuk mendapatkan kebenaran dari Jabatan Perdana Menteri terlebih dahulu. Permohonan boleh dibuat secara langsung melalui emel: travelapplication@jpm.gov.bn
8. Walau bagaimanapun, pelajar-pelajar yang memilih untuk tidak kembali ke tanah air dalam tempoh ini dan/atau mereka yang perlu kembali ke tempat pengajian masing-masing dikehendaki mengisi borang deklarasi yang boleh dimuatturun dari laman sesawang www.moe.gov.bn/SitePages/DocumentDownloads.aspx dan dikembalikan ke emel: scholarship@moe.gov.bn
9. Dalam masa yang sama, para pelajar yang memilih untuk terus berada di negara-negara tempat pengajian mereka dan yang bakal kembali ke institusi pengajian masing-masing adalah dinasihatkan untuk mengambil langkah-langkah berikut:
 - a. Mengekalkan tahap kebersihan diri;
 - b. Kerap membasuh tangan dengan air yang bersih dan sabun atau menggunakan *hand sanitizer* (terutamanya sebelum mengendalikan makanan, sebelum makan, selepas menggunakan tandas, atau selepas batuk atau bersin);
 - c. Memakai penutup muka (*mask*) jika mempunyai tanda-tanda jangkitan pernafasan seperti batuk atau selsema;
 - d. Menutup mulut dengan tisu ketika batuk atau bersin, dan membuang tisu itu ke dalam tong sampah dengan segera;
 - e. Elakkan daripada pergi ke tempat-tempat awam yang penuh sesak seperti stesen bas, stesen keretapi, pasar, panggung wayang, konsert, acara kesukanan dan lain-lain;

- f. Kurangkan keluar rumah jika tidak perlu dan hadkan interaksi dengan orang lain; cuba gunakan perkhidmatan *online* bagi membeli-belah barang harian jika sesuai;
- g. Elakkan dari mendekati orang yang sakit, kurang sihat atau menunjukkan tanda-tanda penyakit seperti demam panas, batuk atau sesak nafas;
- h. Elakkan daripada menziarahi orang yang sakit jika merasa kurang sihat atau mempunyai tanda-tanda jangkitan;
- i. Pantau dan catat suhu badan dua kali sehari;
- j. Berwaspada dengan tanda-tanda penyakit yang mungkin timbul seperti demam panas, batuk atau sesak nafas; dapatkan rawatan perubatan dengan segera jika merasa kurang sihat;
- k. Memaklumkan dengan segera kepada pihak Kedutaan Negara Brunei Darussalam jika awda jatuh sakit atau bertukar butir-butir perhubungan (alamat atau nombor telefon); dan
- l. Memaklumkan keadaan kesihatan mereka setiap hari kepada pihak Ataci Pendidikan, Unit Penuntut-Penuntut atau pihak Suruhanjaya Tinggi / Kedutaan Negara Brunei Darussalam.

23 Rejab 1441 / 18 Mac 2020

Kementerian Pendidikan, Negara Brunei Darussalam
(Dengan Sokongan Kementerian Kesihatan)

Aliran Kerja Prosedur Tetap

